



**NEGERI PAHANG**

**TAMBAHAN PERUNDANGAN**

**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976**

**Phg. P.U. 6/1991**

**UNDANG-UNDANG KECIL PENJAJA (MAJLIS DAERAH PEKAN) 1991**

Tarikh penyiaran:  
Tarikh mula berkuatkuasa:

21 November 1991  
21 November 1991

---

**SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL**

---

Mukadimah

- Undang-Undang Kecil 1. Nama dan mula berkuatkuasa.
- Undang-Undang Kecil 2. Takrif.
- Undang-Undang Kecil 3. Dilarang menjaja tanpa lesen.
- Undang-Undang Kecil 4. Permohonan lesen.
- Undang-Undang Kecil 5. Budibicara Majlis.
- Undang-Undang Kecil 6. Saiz gerai.
- Undang-Undang Kecil 7. Pemegang lesen tidak hadir.
- Undang-Undang Kecil 8. Larangan.
- Undang-Undang Kecil 9. Mematuhi arahan.
- Undang-Undang Kecil 10. Memindahkan dari tempat menjaja.
- Undang-Undang Kecil 11. Penjaja beredar.
- Undang-Undang Kecil 12. Kereta tolak.
- Undang-Undang Kecil 13. Kenderaan.
- Undang-Undang Kecil 14. Penjaja beredar hendaklah berpindah randah.
- Undang-Undang Kecil 15. Pemeriksaan doktor.
- Undang-Undang Kecil 16. Kebersihan.
- Undang-Undang Kecil 17. Penggunaan kayu api tidak dibenarkan.
- Undang-Undang Kecil 18. Tong sampah hendaklah diadakan.
- Undang-Undang Kecil 19. Sampah pepejal basah.
- Undang-Undang Kecil 20. Pelupusan sampah.
- Undang-Undang Kecil 21. Tumpahan bahan busuk dan anggapan mengenai pesalah.
- Undang-Undang Kecil 22. Fee

Undang-Undang Kecil 23. Penalti.  
Undang-Undang Kecil 24. Penyitaan.  
Undang-Undang Kecil 25. Menuntut barang-barang yang disita.

JADUAL PERTAMA  
JADUAL KEDUA  
JADUAL KETIGA

## Mukadimah

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 73 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Majlis Daerah Pekan membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut Pihak berkuasa Negeri mengesahkan, undang-undang kecil berikut:

### 1. Nama dan mula berkuatkuasa.

Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Penjaja (Majlis Daerah Pekan) 1991** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

### 2. Takrif.

Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain –

“barang-barang” adalah termasuk apa-apa perkhidmatan yang dijalankan untuk mendapatkan keuntungan;

“gerai” adalah termasuk mana-mana gerai berkunci, meja, stor, bangku, bangku panjang, bakul, kerusi, kayu kandar, petak peraga dinding, papan tunjuk dari apa-apa juga jenis atau apa-apa alat lain yang berkaitan dengan perniagaan sama ada mudah alih atau bukan dan sama ada beroda atau tidak beroda, yang di atasnya atau di dalamnya makanan, minuman atau barang-barang dari apa-apa jenis dijual atau didedahkan untuk jualan di mana-mana tempat persendirian atau tempat awam;

“gerai berkunci” ertinya gerai yang dibina oleh Majlis atau oleh mana-mana badan Kerajaan atau badan berkanun yang dikelaskan sebagai demikian oleh Majlis;

“jualan” atau “menjual” adalah termasuk tukar-menukar dan tukar ganti dan juga termasuk menawarkan untuk menjual atau cuba menjual atau menyebabkan dijual atau membenarkan dijual atau mendedahkan untuk jualan atau ada dalam simpanan untuk dijual apa-apa makanan, minuman atau barang-barang untuk dimakan atau digunakan oleh manusia;

“kenderaan” adalah termasuk apa-apa kenderaan yang digerakkan oleh jentera atau selainnya dan termasuklah gadi, kereta sorong, kereta tolak, basikal, trisikal, motosikal, skuter, motokar, van, lori, vesel, bot atau rakit yang digunakan bagi maksud menjaja;

“Majlis” ertinya Majlis Daerah Pekan;

“penjaja” adalah termasuk penjaja beredar, penjaja static atau penjaja sementara;

“penjaja beredar” ertinya seseorang yang dengan atau tanpa kenderaan pergi dari setempat ke setempat untuk mendedahkan membahagi atau menyerahkan untuk jualan apa-apa makanan, minuman atau barang-barang dari apa-apa jenis;

“penjaja beredar sementara” ertinya seseorang yang kadangkala mendirikan gerai dan menjual atau mendedahkan untuk jualan apa-apa makanan, minuman atau barang-barang dari apa-apa jenis dengan atau tanpa kenderaan dan pergi dari setempat ke setempat;

“penjaja sementara” ertinya seseorang yang kadangkala mendirikan gerai dan menjual atau mendedahkan untuk jualan apa-apa makanan, minuman atau barang-barang dari apa-apa jenis di petak yang ditetapkan bagi maksud itu oleh Majlis bagi apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Majlis;

“penjaja statik” ertinya seseorang yang mendirikan gerai di sesuatu tempat awam atau tempat persendirian dan menjual atau mendedahkan untuk jualan apa-apa makanan, minuman atau barang-barang dari apa-apa jenis;

“tempat awam” ertinya mana-mana lapangan terbuka, tempat letak kereta, kebun bunga, taman atau medan rekreasi dan bersuka-suka, sama ada terkepung atau tidak, yang dikhaskan atau diuntukkan bagi kegunaan orang ramai atau terbuka kepada orang ramai pada bila-bila masa.

### **3. Dilarang menjaja tanpa lesen.**

Tiada seorangpun boleh bertindak sebagai penjaja tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Majlis di bawah Undang-Undang Kecil ini.

### **4. Permohonan lesen.**

(1) Tiap-tiap permohonan bagi mendapatkan lesen untuk bertindak sebagai penjaja hendaklah dibuat secara bertulis kepada Majlis dalam borang yang ditetapkan oleh Majlis.

(2) Jika permohonan bagi mendapatkan lesen diluluskan, Majlis hendaklah meminta pemohon memberi dua keping fotograf saiz passport dengan mana pemohon boleh dikenali.

(3) Lesen hendaklah di dalam borang yang ditetapkan oleh Majlis.

(4) Tiap-tiap lesen, lain daripada yang dikeluarkan kepada penjaja beredar, hendaklah berkenaan dengan tapak atau tapak-tapak tertentu.

(5) Tiap-tiap lesen hendaklah menyatakan –

(a) tempoh sahnya lesen itu;

(b) jenis makanan, minuman atau barang-barang yang akan dijual; dan

(c) terma-terma, syarat-syarat dan sekatan-sekatan sebagaimana yang difikirkan oleh Majlis patut dikenakan.

(6) Tiap-tiap lesen boleh dibatalkan oleh Majlis pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa sebab.

(7) Majlis boleh, menurut budibicaranya, enggan memberi atau membaharui sesuatu lesen tanpa memberi apa-apa sebab.

(8) Tiap-tiap orang yang telah diberi lesen hendaklah mempamerkan lesennya pada setiap masa di sesuatu tempat yang mudah dilihat di premis, kenderaan atau gerai yang dilesen, dan hendaklah menunjukkan lesen itu bila dikehendaki berbuat demikian oleh mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Majlis.

(9) Pemegang lesen hendaklah menyerahkan balik lesennya kepada Majlis apabila lesen itu tamat tempohnya, dibatalkan, dipotong atau digantung.

## **5. Budibicara Majlis.**

Majlis boleh menggunakan budibicaranya untuk memberikan lesen untuk bertindak sebagai penjaja kepada pemohon tanpa memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam undang-undang kecil 4.

## **6. Saiz gerai.**

(1) Tiada suatu pun gerai, lain daripada gerai yang dibina oleh Majlis atau mana-mana badan Kerajaan atau badan berkanun, boleh melebihi lapan belas desimeter panjang dan Sembilan desimeter lebar melainkan dikecualikan oleh Majlis secara bertulis dan hendaklah beratap sebagaimana yang diluluskan oleh Majlis.

(2) Tiada petak peraga dinding boleh melebihi tiga puluh enam desimeter kali lapan belas desimeter kali tiga desimeter.

## **7. Pemegang lesen tidak hadir.**

(1) Pemegang lesen hendaklah sentiasa hadir dan menjalankan atau mengawasi perniagaan di gerai atau di petaknya, melainkan jika ia tidak dapat hadir atas sesuatu sebab yang munasabah.

(2) Jika pemegang lesen tidak dapat menguruskan perniagaan di gerainya selama tempoh tiga puluh hari atau lebih, ia hendaklah melantik seorang nomini untuk mengambil tempatnya dengan terlebih dahulu mendapat kelulusan secara bertulis daripada Majlis.

(3) Majlis tidak boleh, kecuali dalam hal keadaan yang difikirkannya patut, memberi sesuatu kelulusan di bawah peruntukan-peruntukan perenggan (2) undang-undang kecil ini bagi sesuatu tempoh lebih daripada tiga bulan.

(4) Jika seseorang nomini bertindak bagi pihak seseorang pemegang lesen di bawah peruntukan-peruntukan undang-undang kecil ini, kewajipan-kewajipan dan tanggungjawab-tanggungjawab yang dikenakan ke atas pemegang lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah terletak ke atas nomini tersebut yang mana boleh didakwa atas apa-apa pelanggaran terhadap Undang-Undang Kecil ini seolah-olah ia adalah pemegang lesen.

(5) Fee sebanyak lima ringgit hendaklah dibayar oleh pemegang lesen bagi melantik seorang nomini.

## **8. Larangan.**

(1) Tiada seorang pun penjaja yang boleh menjalankan perniagaan –

(a) dalam lingkungan Sembilan meter dari simpang jalan;

(b) dalam lingkungan tiga puluh desimeter dari pili bomba; atau

(c) di atas tangga, kakilima atau tempat lapangan awam yang berturap atau mana-mana saluran, parit atau longkang melainkan dibenarkan oleh Majlis.

(2) Tiada seorang pun penjaja boleh menjalankan perniagaan dengan cara yang boleh menghalang atau mengganggu perjalanan lancar lalulintas kenderaan dan pergerakan bebas orang-orang yang berjalan kaki.

(3) Seseorang penjaja hendaklah berumur tidak kurang daripada lapan belas tahun melainkan dikecualikan oleh Majlis.

#### **9. Mematuhi arahan.**

Tiap-tiap penjaja hendaklah mematuhi apa-apa arahan lisan atau bertulis yang diberi oleh Majlis atau oleh mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Majlis berkenaan dengan penempatan gerai, kenderaan atau lain-lain alat yang berkaitan dengan perniagaannya.

#### **10. Memindahkan dari tempat menjaja.**

Tiap-tiap penjaja sementara hendaklah memindahkan gerai, kenderaan atau lain-lain alat yang berkaitan dengan perniagaannya dari petak atau tapaknya pada waktu perniagaan ditutup pada tiap-tiap hari atau tiap-tiap malam, mengikut mana yang berkenaan.

#### **11. Penjaja beredar.**

Tiada seorang pun boleh bertindak sebagai penjaja beredar di mana-mana jalan atau di mana-mana tempat yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

#### **12. Kereta tolak.**

Kereta tolak yang digunakan oleh Penjaja beredar tidak boleh melebihi lapan belas desimeter panjang dan Sembilan desimeter lebar dan atapnya atau kajang di atasnya tidak boleh menganjur lebih daripada tiga desimeter dari mana-mana bahagian kereta tolak itu, dan reka bentuk struktur serta bahan yang digunakan untuk membina kereta tolak itu hendaklah seperti yang diluluskan oleh Majlis.

#### **13. Kenderaan.**

Jika kenderaan digunakan oleh penjaja beredar, saiz atau bentuk kenderaan itu hendaklah mengikut sebagaimana yang diluluskan oleh Majlis.

#### **14. Penjaja beredar hendaklah berpindah randah.**

Penjaja beredar tidak boleh tinggal tetap di sesuatu tempat kecuali pada waktu ia sebenarnya menjual barang-barang kepada pelanggan-pelanggan dan pada waktu ia tidak sebenarnya berbuat demikian, ia hendaklah sentiasa berpindah-randah.

#### **15. Pemeriksaan doktor.**

Tiap-tiap penjaja hendaklah dikenakan pemeriksaan doktor atau pelalian mengikut sebagaimana yang diarahkan oleh Majlis.

#### **16. Kebersihan.**

Tiap-tiap penjaja hendaklah –

- (a) menjaga dirinya dan pakaiannya supaya berada dalam keadaan bersih;
- (b) menjaga gerai atau kenderaannya dan lain-lain alat yang berkaitan dengan perniagaannya supaya berada dalam keadaan bersih dan sihat dan hendaklah mengecat atau mengecatnya semula pada bila-bila masa sebagaimana yang diarahkan oleh Majlis; dan
- (c) mengadakan air yang bersih dan jernih untuk membasuh dan membersihkan perkakas memasak, cawan, pinggan, mangkuk, piring atau apa-apa perkakas lain yang digunakan untuk menghidangkan makanan kepada pelanggan atau yang berkaitan dengan perniagaannya.

#### **17. Penggunaan kayu api tidak dibenarkan.**

Penjaja tidak boleh menggunakan kayu api di tempat perniagaannya bagi maksud menyediakan makanan melainkan jika dikecualikan oleh Majlis.

#### **18. Tong sampah hendaklah diadakan.**

Tiap-tiap penjaja hendaklah mengadakan tong-tong sampah atau lain-lain bekas yang sesuai dengan secukupnya sebagai tempat mengisi sampah.

#### **19. Sampah pepejal basah.**

Segala sampah busuk atau sampah pepejal basah hendaklah dimasukkan ke dalam beg plastik atau lain-lain bekas yang sesuai sebelum diletakkan dalam tong sampah.

#### **20. Pelupusan sampah.**

Segala sampah dalam tong sampah hendaklah dilupuskan oleh penjaja mengikut cara yang diarahkan oleh Majlis.

## **21. Tumpahan bahan busuk dan anggapan mengenai pesalah.**

(1) Tiada seorang pun penjaja boleh menyebabkan atau membenarkan diletakkan, ditumpahkan, ditaburkan atau dibuang apa-apa darah, air masin, cecair buangan, atau lain-lain bahan busuk ke dalam mana-mana longkang, ke atas jalan atau mana-mana tempat awam yang lain.

(2) Jika dalam sesuatu hal adalah dibuktikan bahawa apa-apa darah, air masin, cecair buangan atau lain-lain bahan busuk telah diletakkan di mana-mana tempat yang bersalahan dengan undang-undang kecil 21 (1) berdekatan dengan mana-mana gerai, atau kenderaan yang mempunyai atau digunakan oleh seseorang penjaja maka hendaklah dianggap, melainkan jika dibuktikan sebaliknya bahawa kesalahan itu telah dilakukan oleh atau dengan kebenaran penjaja itu.

## **22. Fee**

Fee yang kena dibayar bagi sesuatu lesen hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua dan hendaklah dibayar terlebih dahulu.

## **23. Penalti.**

Seseorang yang bertindak sebagai penjaja tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Majlis di bawah Undang-Undang Kecil ini dan seseorang yang setelah diberi lesen oleh Majlis di bawah Undang-Undang Kecil ini bertindak berlawanan dengan mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini adalah melakukan kesalahan dan boleh, apabila disabitkan dikenakan denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau denda dan penjara itu kedua-duanya.

## **24. Penyitaan.**

(1) Apa-apa barang yang dicadangkan atau yang didedahkan untuk jualan bersama-sama dengan bekasnya dan apa-apa alat yang menyertainya dan juga gerai atau kenderaan kepunyaan orang yang tidak dilesen untuk bertindak sebagai penjaja di bawah Undang-Undang Kecil ini boleh disita oleh mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Majlis dan dipindahkan ke mana-mana tempat yang ditentukan oleh Majlis dan ditahan di situ atas tanggungan pemunyaanya.

(2) Apa-apa barang yang tidak tahan lama yang disita di bawah perenggan (1) undang-undang kecil ini boleh dilupuskan mengikut cara yang ditentukan oleh Majlis.

## **25. Menuntut barang-barang yang disita.**

Seseorang yang ada apa-apa tuntutan ke atas mana-mana barang yang telah dipindahkan dan ditahan di bawah undang-undang kecil 24, boleh menuntut barang-barang itu daripada Majlis dalam tempoh tiga bulan dari tarikh barang itu disita tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan oleh Majlis dan tertakluk kepada pembayaran fee yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga.

Dengan syarat bahawa jika sekiranya tiada apa-apa tuntutan dibuat ke atas mana-mana barang yang dipindahkan atau ditahan itu dalam tempoh tiga bulan yang dinyatakan itu, Majlis boleh melupuskan barang-barang itu mengikut cara yang difikirkan patut oleh Majlis.



## JADUAL PERTAMA

(Undang-Undang Kecil 11)

1. Mana-mana jalan atau bahagian sesuatu jalan dalam lingkungan empat puluh meter dari sesuatu jalan masuk atau jalan keluar atau kawasan sekitar mana-mana sekolah, hospital, pasar awam atau kawasan perdagangan yang diuntukkan bagi penjaja-penjaja.
2. Semua tempat letak kereta awam.
3. Semua perhentian bas, stesen bas dan tempat teksi.
4. Kawasan sekitar semua bangunan pejabat Kerajaan dan tempat-tempat awam.

## JADUAL KEDUA

(Undang-Undang Kecil 22)

1. Penjaja beredar - \$30.00 setahun.
  2. Penjaja beredar sementara - \$ 0.50 sehari.
  3. Penjaja statik:
    - A. Gerai-gerai yang menjalankan perniagaan di tepi jalan:
      - (i) Gerai-gerai yang "bersaiz biasa" hendaklah berukuran 2m x 1m dengan penutup maksimum 3m x 3m - \$ 4.50 sebulan.
      - (ii) Bagi setiap tambahan 4 meter persegi ruang yang diduduki atau sebahagian daripadanya - \$ 3.50 sebulan tertakluk kepada maksimum 16 meter persegi.
    - B. Gerai-gerai yang menjalankan perniagaan di atas tanah lot kosong yang disewa dan diatas tanah Kerajaan:
      - (i) "Gerai biasa" hendaklah berukuran 2m x 1m dengan penutup maksimum 3m x 3.5m - \$3.50 sebulan.
      - (ii) Bagi setiap tambahan 4 meter persegi ruang yang diduduki atau sebahagian daripadanya - \$2.50 sebulan.
    - C. Gerai-gerai "centralised" \$ 4.50 sebulan
  4. Fee untuk menukarkan gerai \$2.50
- |      |                 |
|------|-----------------|
| Sewa | \$15.00 sebulan |
|------|-----------------|

### **JADUAL KETIGA**

(Undang-Undang Kecil 25)

|  |  |
|--|--|
| Memindahkan gerai atau barang-barang   | \$10.00  |
| Fee menyimpan gerai atau barang-barang | \$2.50 bagi tempoh tidak lebih daripada 7 hari dan 50 sen bagi tiap-tiap satu hari kemudian daripadanya. |

Diperbuat pada 23hb November 1988.  
[MDP. Phg. 4/0135.]

HASHIM BIN ABDUL WAHAB,  
*Yang Dipertua,*  
*Majlis Daerah Pekan*

Disahkan pada 14hb Ogos 1991.  
[SUK. Phg.KT 5485 Sj.1.]

ABU HASSAN BIN HAJI SAIDIN,  
*Setiausaha,*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan,*  
*Pahang*